



Tel: +(6)07-5533333 Faks: +(6)07-5579887 <http://ebendahari.utm.my/bendahari/>

RUJUKAN KAMI :

RUJUKAN TUAN :

UTM.J.03/10.12/3 Jld.4 (10)

8 Jun 2016

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

*Assalamualaikum Wrt. Wbt.*

Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Saudara,

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2016**

**PELAKSANAAN PENYERTAAN ANAK-ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN, KOPERASI-KOPERASI, TABUNG KAKITANGAN KERAJAAN DAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN BADAN INDUK BERKENAAN DAN CADANGAN PROSEDUR PELAKSANAANNYA DI UNIVESITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita bersama ini dikemukakan Pekeliling Bendahari Bil. 2/2016 untuk makluman dan tindakan Y.Bhg. Dato'/Prof./Tuan/Saudara selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Yang benar,

**HJH. SHARIFAH 'ALWIAH BINTI SYED ALWI**  
Bendahari  
Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. :
- 1) Y.Bhg. Naib Canselor
  - 2) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - 3) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - 4) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & ALUMNI)
  - 5) Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - 6) Pendaftar
  - 7) Pengarah Kampus, UTM Kuala Lumpur
  - 8) Timbalan Bendahari Kanan UTM Kuala Lumpur
  - 9) Ketua Audit Dalam

## **LAMPIRAN**

### **Ketua Pustakawan**

Perpustakaan Sultanah Zanariah

### **Dekan**

Fakulti Sains

Fakulti Alam Bina

Fakulti Pendidikan

Fakulti Tamadun Islam

Fakulti Kejuruteraan Awam

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Fakulti Biosains & Kejuruteraan Perubatan

Fakulti Kejuruteraan Geoinformasi dan Harta Tanah

Fakulti Komputeran

Fakulti Pengurusan

Fakulti Kejuruteraan Kimia

Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui

Sekolah Pengajian Siswazah

### **Pengarah Kerja**

Pejabat Harta Bina

### **Pengarah**

Unit Sukan

Pusat Islam

Akademi Bahasa

Unit Pengurusan Makmal Universiti (UPMU)

Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum (CGCC)

Penerbit UTM Press

Pusat Kesihatan Mahasiswa

Pusat Kaunseling & Kerjaya

Pusat Inovasi dan Komersilisasi

Institut Pembangunan Bioproduct (IBD)

Pusat Pengajaran & Pembelajaran (CTL)

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

Institut Kajian Sains Fundamental Ibnu Sina

Pusat Komunikasi & Teknologi Maklumat (CICT)

**Pengarah Eksekutif *Research Alliance***

Sustainability

Energy

Materials & Manufacturing

K-Economy

Frontier Sciences

Infocomm

Transportation

Water

Construction

Bio-Tech

**Timbalan Pendaftar**

Pejabat TNC (Penyelidikan & Inovasi)

**Timbalan Pendaftar Kanan**

Pejabat Canseleri

Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni

**Pengetua**

Kolej Rahman Putra

Kolej Tun Fatimah

Kolej Tun Razak

Kolej Rahman Putra

Kolej Tun Dr. Ismail

Kolej Tuanku Canselor

Kolej Perdana

Kolej 9

Kolej 10

Kolej 11

Kolej Datin Seri Endon

Kolej Tun Ghafar Baba

Kolej Dato' Onn Jaafar

**Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni**

***UTM Johor Bahru***

**Dekan**

Malaysia-Japan International Institute Technology (MJIIT)

UTM Razak School of Engineering and Advanced Technology

UTM Perdana School of Science Technology and Innovation Technology

Advanced Informatics School (UTM AIS)

International Business School (IBS)

Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan (*UTMSPACE*)

***UTM Kuala Lumpur***

***Jalan Sultan Yahya Petra***

***54100 Kuala Lumpur***

Ruj. Kami : UTM.J.03/10.12/3 Jld.4 (10)

## PEKELILING BENDAHARI

### BIL 2 TAHUN 2016

#### **PELAKSANAAN PENYERTAAN ANAK-ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN, KOPERASI-KOPERASI, TABUNG KAKITANGAN KERAJAAN DAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN BADAN INDUK BERKENAAN DAN CADANGAN PROSEDUR PELAKSANAANNYA DI UNIVESITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan penyertaan anak-anak syarikat badan berkanun, koperasi-koperasi tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dalam perolehan badan induk berkenaan dan prosedur pelaksanaannya di Universiti Teknologi Malaysia.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2011 berkuatkuasa 14 Mac 2011 membenarkan penyertaan anak syarikat badan berkanun termasuk Institusi Pengajian Tinggi (IPTA), koperasi-koperasi, tabung kakitangan kerajaan dan pihak berkuasa kerajaan tempatan dalam perolehan badan induk berkenaan.
- 2.2 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2011 yang menggantikan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 26 Tahun 1986 disediakan selaras dengan persetujuan Kerajaan untuk memberi autonomi kepada badan berkanun termasuk IPTA dalam menguruskan perolehan yang melibatkan anak syarikat masing-masing serta berasaskan konsep *let managers manage*.

- 2.3 Kementerian Kewangan Malaysia meminta semua agensi yang terlibat, mewujudkan garis panduan dan prosedur kawalan dalaman dalam menguruskan perolehan seumpama ini. Garis panduan tersebut hendaklah mengambilkira dasar kerajaan serta prinsip perolehan supaya ia dilaksanakan secara telus, adil dan saksama.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 1/2012 pada 30 Januari 2012 telah memperakukan pelaksanaan SPP Bil. 1 Tahun 2011 berkaitan Pelaksanaan Penyertaan Anak-Anak Syarikat Badan Berkanun, Koperasi-Koperasi, Tabung Kakitangan Kerajaan dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan Dalam Perolehan Badan Induk Berkenaan dan Cadangan Prosedur Pelaksanaannya di Universiti Teknologi Malaysia.

### 3.0 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SPP BIL. 1 TAHUN 2011

- 3.1 Bagi memastikan pelaksanaan SPP diatas garis panduan pelaksanaan adalah berdasarkan kepada perkara berikut :
- 3.1.1 Semua urusan berkaitan perolehan Universiti berdasarkan amalan tadbir urus baik (*good governance practices*) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan seperti akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama.
- 3.1.2 Perolehan bekalan dan perkhidmatan tidak dipecahkecil bagi mengelakkan pelawaan sebutharga/tender.
- 3.1.3 Bagi penyertaan perolehan secara Rundingan Terus, Sebut harga dan tender UTM, Anak Syarikat atau Koperasi mestilah:
- 3.1.3.1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut bidang yang berkenaan

- 3.1.3.2 Mempunyai sijil akuan Bumiputera sebagai pengesahan bertaraf Bumiputera
- 3.1.3.3 Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor mengikut kepala dan sub kepala yang berkenaan
- 3.1.3.4 Sah laku tempoh pendaftaran

## 3.2 **Glosari**

### 3.2.1 **Anak Syarikat dan Koperasi**

Anak Syarikat dan Koperasi di bawah UTM sahaja

### 3.2.2 **Perunding Fizikal**

Seperti di **Lampiran A**

### 3.2.3 **Perunding Bukan Fizikal**

Seperti di **Lampiran B**

## 3.3 **Jenis Perolehan**

### 3.3.1 **Bekalan dan Perkhidmatan**

3.3.1.1 Perolehan bernilai melebihi RM300.00 sehingga RM50,000.00 hendaklah dilaksanakan secara Pembelian Terus dengan mengikut peraturan semasa iaitu mendapatkan sekurang-kurangnya tiga quotation. Anak Syarikat dan Koperasi UTM dibenarkan mengambil bahagian dengan syarat bahan/bekalan/perkhidmatan yang diperlukan adalah jenis perniagaan yang ditawarkan oleh Anak Syarikat dan Koperasi.

Pusat Tanggungjawab adalah digalakkan untuk mendapatkan 'quotation' daripada anak syarikat atau koperasi UTM.

Kelulusan untuk Pembelian Terus diberi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab atau pegawai yang diberi kuasa.

3.3.1.2 Perolehan bernilai melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00 hendaklah dilaksanakan secara sebut harga bertulis. PTJ tidak dibenar memecahkecilkan perolehan. Keutamaan boleh diberi kepada Anak Syarikat dan Koperasi UTM dengan syarat seperti berikut:

3.3.1.2.1 Sebut Harga hendaklah dipelawa daripada sekurang-kurangnya 5 (lima) pembekal samada berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia atau tidak.

3.3.1.2.2 Anak Syarikat dan Koperasi UTM dibenarkan mengambil bahagian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan sebutharga.

3.3.1.2.3 Kelulusan perolehan adalah dibawah bidang kuasa Jawatankuasa Sebut harga PTJ dan Zon bagi perolehan sehingga RM200,000.00. Manakala yang bernilai melebihi RM200,000.00 sehingga RM500,000.00 adalah kelulusan Jawatankuasa Sebut harga Universiti (JKSU).

3.3.1.2.4 Jika terdapat keadaan dimana tawaran Anak Syarikat dan Koperasi UTM adalah lebih tinggi, tawaran Anak Syarikat dan Koperasi UTM boleh diberi keutamaan jika perbezaan harga adalah dalam lingkungan 10%.



### 3.3.2 Perolehan Secara Tender

- 3.3.2.1 Perolehan yang melebihi RM500,000.00 hendaklah dibuat secara tender.
- 3.3.2.2 Anak Syarikat dan Koperasi UTM dibenarkan mengambil bahagian tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam peraturan tender.
- 3.3.2.3 Kelulusan perolehan adalah dibawah bidang kuasa Lembaga Perolehan Universiti.
- 3.3.2.4 Anak syarikat dan Koperasi boleh diberi keutamaan sekiranya dalam satu perolehan tender memerlukan perkhidmatan lebih dari satu syarikat seperti penyewaan perabot asrama dan pencucian bangunan.
- 3.3.2.5 Jika terdapat keadaan dimana tawaran Anak Syarikat dan Koperasi UTM adalah lebih tinggi, tawaran Anak Syarikat dan Koperasi UTM boleh diberi keutamaan jika perbezaan harga adalah seperti berikut:

Bil.	Nilai Tender	Peratus Keutamaan
1.	Melebihi RM500,000 hingga 1.5 juta	7
2.	Melebihi RM1.5 juta hingga RM5juta	5
3.	Melebihi RM5juta hingga RM10juta	3
4.	Melebihi RM10juta hingga RM15juta	2.5

### 3.3.3 Perunding Fizikal dan Bukan Fizikal (dalam bidang kepakaran UTM)

3.3.3.1 Perkhidmatan perunding yang dimaksudkan adalah perkhidmatan yang disediakan oleh anak syarikat/koperasi UTM yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang perkhidmatan perunding berkaitan dan dikategorikan sebagai perunding fizikal dan perunding bukan fizikal.

3.3.3.2 Penentuan kaedah perolehan perkhidmatan perunding bergantung kepada nilai kos projek, kos kajian atau kos kerja ukur yang akan dilaksanakan seperti berikut:

<b>Kaedah Perolehan</b>	<b>Had Nilai</b>
Lantikan Terus Beserta Kos Siling	Kod Projek Pembangunan Fizikal hingga RM5 juta. Kos Kajian sehingga RM500 ribu. Kos kerja Ukur sehingga RM500 ribu.
Tender Terhad	Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM50 juta. Kos Kajian sehingga RM2 juta Kos Kerja Ukur melebihi RM500 juta.
Tender Terbuka	Kos Projek Pembangunan Fizikal melebihi RM50 juta Kos Kajian Fizikal/bukan fizikal melebihi RM2juta.

- 3.3.3.3 Anak syarikat/koperasi UTM boleh diberi keutamaan untuk dilantik secara Lantikan Terus Beserta kos Siling oleh PTJ/UTM berdasarkan kepakaran yang dimiliki.
- 3.3.3.4 Anak syarikat/koperasi UTM juga boleh menyertai Tender Terhad dan Tender Terbuka untuk menjadi perunding fizikal dan perunding bukan fizikal kepada PTJ/UTM.
- 3.3.3.5 Pihak berkuasa melulus dan had nilai untuk pelantikan perunding adalah seperti berikut:

<b>Pihak Berkuasa Melulus</b>	<b>Had Nilai Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Perunding</b>
Jawatankuasa Sebut Harga Universiti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM5 juta.</li> <li>2. Kos kajian sehingga RM500 ribu</li> <li>3. Kos kerja ukur sehingga RM500 ribu</li> </ol>
Lembaga Perolehan B Universiti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM20 juta.</li> <li>2. Kos kajian sehingga RM2 juta</li> <li>3. Kos kerja ukur sehingga RM2 juta</li> </ol>
Lembaga Perolehan A Universiti	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM200 juta.</li> <li>2. Kos kajian sehingga RM5 juta</li> <li>3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta</li> </ol>
Kementerian kewangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kos Projek Pembangunan Fizikal sehingga RM200 juta.</li> <li>2. Kos kajian sehingga RM5 juta</li> <li>3. Kos kerja ukur sehingga RM5 juta</li> </ol>

### 3.4 **Panel**

- 3.4.1 Anak Syarikat dan Koperasi UTM dibenarkan untuk dilantik sebagai Panel Travel Agent UTM dan Panel Pembekal Bahan Bacaan/Rujukan UTM.
- 3.4.2 Perpustakaan Sultanah Zanariah digalakkan untuk mendapatkan 'quotation' dan sebutharga bagi tujuan pembelian buku dan juga jurnal daripada anak syarikat/koperasi UTM.

### 3.5 **Pembelian Cenderahati, Baju Korporat dan T-Shirt Korporat**

- 3.5.1 Pembelian Cenderahati, Baju Korporat dan T-shirt Korporat hendaklah diperolehi daripada UTM *Souvenir Shop*.
- 3.5.2 Proses dan kelulusan perolehan adalah seperti tatacara perolehan semasa.

### 3.6 **Ruang Niaga di UTM**

- 3.6.1 Anak syarikat/Koperasi UTM diberikan keutamaan untuk menjalankan perniagaan di premis dalam UTM dan memilih lokasi yang strategik.
- 3.6.2 Syarat-syarat dan kadar sewaan adalah sama seperti yang dikenakan kepada penyewa lain.

## 4.0 **KESIMPULAN**

- 4.1 Anak syarikat dan koperasi UTM perlu bersaing secara terbuka dengan syarikat lain untuk menyertai perolehan di UTM.

- 4.2 Proses penilaian perolehan ke atas anak syarikat dan koperasi UTM tetap sama seperti juga syarikat lain supaya prinsip ketelusan, adil dan saksama tetap wujud.
- 4.3 Penyertaan anak syarikat dan koperasi UTM amat digalakkan untuk mewujudkan minda keusahawanan dikalangan warga UTM.

## **5.0 INTEGRITY/KETELUSAN/KERAHSIAAN**

Semua kakitangan Universiti hendaklah menjaga integriti dalam urusan perolehan Universiti yang meliputi Pembelian Terus, Rundingan Terus, Sebutharga dan Tender. Ketua PTJ adalah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan integriti dalam Perolehan Universiti yang dilaksanakan. Sebarang pelanggaran terhadap peraturan yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan sewajarnya mengikut peraturan sediaada yang masih berkuatkuasa.

## **6.0 PENUTUP**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa bermula daripada tarikh pekeling dikeluarkan dan dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil 6 Tahun 2014, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang masih berkuatkuasa di mana bersesuaian.

